- (a) Masalah utama yang dihadapi oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah kekurangan liputan *Bike Sharing System*. Pada masa kini, stesen sedia ada lebih tertumpu di kawasan *George Town UNESCO World Heritage Zone*.
 - (b) Pihak MBPP sememangnya mempunyai perancangan untuk memperluas lagi perkhidmatan *LinkBike* di seluruh kawasan Pulau Pinang termasuklah di kampus pengajian tinggi dan kawasan-kawasan lain. Buat masa ini, pihak MBPP sedang dalam perancangan untuk membuat pelawaan *Request For Proposal* (RFP) bagi penyediaan kemudahan sewaan basikal elektrik di seluruh kawasan Pulau Pinang. RFP projek tersebut dijangka akan dibuka pada penghujung bulan November 2024 dan akan ditutup pada bulan Februari 2025.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

9. Berapakah jumlah fi hotel yang dikutip sejak ia dilaksanakan?
- (a) Jelaskan kegunaan kutipan berkenaan.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Jumlah fi hotel yang dikutip sejak ia mula dilaksanakan dari tahun 2014 sehingga September 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Melalui hasil kutipan fi hotel, Kerajaan Negeri dapat menambahbaik infrastruktur pelancongan Pulau Pinang serta menjalankan program-program yang dapat menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini. Pelaksanaan ini secara tidak langsung akan memberi kesan berganda kepada ekonomi dan pendapatan penduduk Pulau Pinang melalui sektor pelancongan, makanan dan perkhidmatan. Hasil kutipan fi hotel telah dimanfaatkan untuk program dan promosi Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi pelancongan utama di Malaysia dan Asia Tenggara.

LAMPIRAN A**JUMLAH TERIMAAN FI HOTEL BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2024**

TAHUN	KUTIPAN (RM)
2014*	3,686,310.00
2015	8,590,978.70
2016	9,395,560.00
2017	9,796,332.00
2018	9,595,311.00
2019	9,406,483.00
2020	3,514,257.00
2021	92.00
2022	1,458,591.00
2023	10,628,531.12
2024**	8,625,617.00
JUMLAH	74,698,062.82

Nota:

* Kutipan Mulai Julai 2014

** Sehingga 30 September 2024

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

10. Senaraikan *sister city* dan *friendship city* dengan Pulau Pinang.

- (a) Bagaimanakah untuk kekalkan hubungan?
- (b) Masih terdapat bandar yang telah tandatangan Memorandum Persefahaman (MoU) tapi masih belum realisasi, apakah tindakan yang akan diambil?
- (c) Adakah Kerajaan Negeri akan tubuhkan jawatankuasa khas untuk menguruskan perkara ini?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Bandar-bandar yang terlibat dengan Sister City dan Friendship City dengan Pulau Pinang adalah Adelaide (Australia), Medan (Indonesia), Xiamen (China), Taipei (Taiwan), Kaohsiung (Taiwan), Bangkok (Thailand), Zhongshan (China), Yogyakarta (Indonesia), Changwon (Korea Selatan), Phuket (Thailand), Hainan Province (China), Sanya (China), City of Fremantle (Australia), Gwangju Metropolitan City (Korea Selatan), Yokohama (Jepun) dan Seoul (Korea Selatan).

- (a) Hubungan bandar kembar dan bandar persahabatan dapat dikekalkan melalui beberapa langkah seperti berikut:
 - (i) Komunikasi secara berkala melalui mesyuarat dan perbincangan, sama ada secara bersemuka atau secara maya untuk tujuan perkongsian perkembangan terkini kedua-dua bandar;

- (ii) Projek pertukaran seperti pertukaran perayaan, budaya, pendidikan, makanan, dan sukan bagi membolehkan rakyat antara kedua-dua bandar lebih memahami antara satu sama lain;
 - (iii) Melaksanakan promosi atau pameran pelancongan serta pelaburan bagi membantu meningkatkan taraf ekonomi kedua-dua bandar;
 - (iv) Melaksanakan perkongsian pengetahuan dan pembinaan kapasiti melalui bengkel dan program latihan, atau sesi percambahan idea untuk berkongsi pengalaman terbaik bagi projek-projek yang dapat memberi manfaat kepada kedua-dua bandar seperti projek pembangunan bandar mampan dan projek bandar pintar serta amalan terbaik tadbir urus; dan
 - (v) Pemindahan teknologi serta pertukaran pegawai dan delegasi antara kedua-dua bandar bagi tujuan mempertingkatkan keupayaan bandar.
- (b) Bagi bandar-bandar yang telah menandatangani MoU tetapi masih belum merealisasikan kerjasama antara tindakan yang dicadangkan adalah seperti berikut:
- (i) Menyemak semula kandungan MoU dan melaksanakan pelan tindakan;
 - (ii) Mengadakan mesyuarat dengan bandar yang terlibat untuk perbincangan lanjut; dan
 - (iii) Melaksanakan pemantauan dari semasa ke semasa untuk melihat kemajuan proses kerjasama.

Kerajaan Negeri berpandangan bahawa senarai *Sister City dan Friendship City* agak panjang. Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak berhasrat menambahkan senarai tersebut.

- (c) Penyelarasan *Sister City* dan *Friendship City* Negeri Pulau Pinang diselaraskan dalam mesyuarat MMK Pelancongan yang dipengerusikan oleh EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

11. Terdapat permintaan yang tinggi terhadap tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). Senaraikan tapak RIBI yang masih ada.
- (a) Apakah usaha daripada Kerajaan Negeri untuk menambahkan tapak RIBI?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Tapak–tapak RIBI adalah dibawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Berdasarkan senarai yang telah diterima terdapat tujuh (7) tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang masih belum dipajak di bawah pentadbiran MBPP manakala 12 tapak RIBI di bawah pentadbiran MBSP. Senarai terperinci tapak RIBI seperti di **LAMPIRAN A** dan **LAMPIRAN B**.
- (a) Kerajaan Negeri amat komited bagi menyediakan tapak RIBI yang lebih banyak. Antara inisiatif awal bagi menangani isu ini adalah melalui pelaksanaan kajian bagi pindaan terhadap punca kuasa Tabung Amanah RIBI untuk diluaskan kepada skop penyediaan tanah-tanah RIBI. Kerajaan Negeri yakin bahawa melalui sumber kewangan ini dapat membantu bagi menyelesaikan isu ini.

SENARAI TAPAK RIBI MILIK MBPP YANG MASIH KOSONG SETAKAT 31 OKTOBER 2024

BIL	NO. LOT	DAERAH	MK/SEK	NO. HAKMILIK	KELUASAN (KP)	KELUASAN (MP)	LOKASI
1	1907	DBD	MK 11	PN 6560	990	92	JALAN SUNGAI BATU
2	2420	DBD	MK 11	HS (M) 629	527	49	TELUK KUMBAR
3	10200	DBD	MK E	GM 543	958	89	JALAN SUNGAI PINANG
4	10123	DBD	MK F	GRN 142589	2,421	225	SUNGAI BURUNG
5	590	DBD	MK G	HSD 22929	2,238	208	JALAN SUNGAI NIPAH 6
6	10050	DTL	SEK 1	PN 11619	2,142	199	JALAN TANJUNG TOKONG
7	20432	DBD	MK10	GRN178024	3,110	289	CANGKAT SUNGAI ARA 10

LAMPIRAN B

SENARAI TAPAK RIBI MILIK MBSP YANG MASIH KOSONG SETAKAT 31 OKTOBER 2024

BIL	SKIM / NAMA TAMAN	NAMA JALAN	KEDUDUKAN / LOKASI	NO LOT	MUKIM	DAERAH	LUAS TANAH	KOORDINAT	STATUS TAPAK
1	TAMAN MEKARSARI	LORONG MEKARSARI 13	BERTAM	23877	6	SPU	515 MP @ 5,543 KP	5.530315, 100.499157	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
2	TAMAN AMANSARA	JALAN AMANSARA 1	BERTAM	25111	6	SPU	513 MP @ 5,522 KP	5.509218, 100.481874	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
3	TAMAN ARA INDAH	JALAN ARA INDAH	ARA KUDA	10477	13	SPU	132 MP @ 1,420 KP	5.434120, 100.523628	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
4	TAMAN ARA JAYA	LORONG ARA JAYA 1	ARA KUDA	PT 2316	13	SPU	148 MP @ 1,593 KP	5.438489, 100.514255	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
5	TAMAN CARISSA VILLA	JALAN CARISSA VILLA	BAGAN LALLANG	20056	14	SPU	28 MP @ 301 KP	5.422829, 100.396327	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
6	TAMAN PROMINENCE	LORONG PERDA UTAMA 3	BANDAR PERDA	10315	6	SPT	268 MP @ 2,885 KP	5.366676, 100.427915	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN

7	PANGSAPURI RESIDENSI (TAMAN MANGGIS INDAH)	TINGKAT MANGGIS 1	SUNGAI RAMBAI	10129	10	SPT	74 MP @ 797 KP	5.359836, 100.454406	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
8	TAMAN LEMBAH INDAH	JALAN LEMBAH INDAH	PERUSAHAAN BUKIT MINYAK	30856	14	SPT	616 MP @ 6,631 KP	5.288122, 100.457154	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
9	TAMAN SERI PERMAI	LORONG SERI PERMAI 1	BUKIT MINYAK	32637	14	SPT	26 MP @ 280 KP	5.333981, 100.464652	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
10	TAMAN TANGLING INDAH	LORONG BELIBIS 33	SIMPANG AMPAT	21787	15	SPS	72 MP @ 775 KP	5.264372, 100.478789	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
11	TAMAN HIJAUAN VALDOR	LORONG HIJAUAN VALDOR 34	VALDOR	PT 1315	15	SPS	245 MP @ 2,637 KP	5.251702, 100.482643	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
12	TAMAN HIJAUAN VALDOR	JALAN HIJAUAN VALDOR 2	VALDOR	PT 811 (22536)	15	SPS	316 MP @ 3,401 KP	5.250146, 100.484040	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

12. Apakah status terkini *Penang i4.0 Seed Fund*?

(a) Berapakah syarikat aktif yang memanfaatkan dana tersebut?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Pada awal tahun 2018, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui InvestPenang telah melancarkan *Penang i4.0 Seed Fund* untuk pembangunan projek-projek *start-up* yang berpotensi tinggi kepada syarikat pemula yang terlibat dalam industri digital, perdagangan elektronik (e-commerce) dan *Internet of Things* (IoT). Program ini menyediakan dana permulaan dari RM50,000.00 sehingga RM250,000.00 untuk setiap projek. Sejak penubuhannya, InvestPenang telah menganjurkan Aliran Satu dan Aliran Dua pada tahun 2018, Aliran Tiga pada tahun 2021 dan yang terakhir iaitu Aliran Empat pada tahun 2022.

(a) Melalui Aliran Satu hingga Empat, sejumlah RM5.0 juta *seed fund* telah dimanfaatkan oleh 49 buah syarikat pemula tempatan yang memiliki produk dengan teknologi inovasi dan perkhidmatan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

13. Jelaskan prestasi semasa Buletin Mutiara dari segi jumlah pembaca, bilangan tontonan dan kadar interaksi?
- (a) Berapakah kos untuk pencetakan?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri akan berhenti pencetakan dan beralih ke pembacaan secara digital?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. Laman Facebook Buletin Mutiara sehingga Oktober 2024 memiliki 151,472 followers manakala laman web, buletinmutiara.com (1.18 juta). Jumlah interaksi atau *page views* / *website traffic* bagi bulan Ogos hingga Oktober 2024 adalah 1,455,573 tatapan (views).
- (a) Kos pencetakan Buletin Mutiaran adalah seperti berikut:-
 - (i) RM300,000.00/bulan
 - (ii) RM3,600,000.00/tahun
 - (iii) Jumlah Tender: RM7,200,000.00 (1 Januari 2024 – 31 Disember 2025)
 - (b) Cetakan naskah Buletin Mutiara merupakan salah satu strategi penjenamaan (branding) bagi memantapkan lagi penyebaran informasi berkaitan polisi serta program Kerajaan Negeri khususnya. Malah, isi kandungan yang dipaparkan juga adalah berbeza dengan platform digital yang turut mempunyai kepentingan serta sasarannya. Kedua-dua platform

mempunyai sasaran audiensnya tersendiri bagi terus
mengekalkan Buletin Mutiara sebagai saluran media utama
Kerajaan Negeri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

14. Kebanyakan program gotong-royong tidak mendapat penyertaan daripada masyarakat tempatan dan hanya bergantung kepada pekerja Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Adakah Kerajaan Negeri akan melaksanakan khidmat masyarakat bagi orang yang membuang sampah merata-rata?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Buat masa kini, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak mempunyai punca kuasa yang khusus untuk mewajibkan pelaksanaan khidmat masyarakat. Walau bagaimanapun, pelaksanaan secara sukarela boleh dipertimbangkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

15. Apakah prestasi perkhidmatan percubaan *Demand Responsive Transit* (DRT) melalui aplikasi Kumpool yang disediakan oleh Rapid Penang dekat kawasan Air Itam, Farlim dan Bayan Baru?
- (a) Adakah projek ini akan diteruskan atau menambah kawasan pada masa akan datang seperti menyediakan perkhidmatan itu kepada pelajar-pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) di Nibong Tebal?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Rapid Penang mengoperasikan perkhidmatan *Demand Responsive Transit* (DRT) di kawasan Air Itam dan Farlim sebagai sebahagian daripada projek *Proof of Concept* (POC) bermula 1 Ogos 2024. Manakala untuk kawasan Bayan Baru, perkhidmatan DRT diuruskan oleh Syarikat Kumpool.

Perkhidmatan DRT di kawasan Air Itam dan Farlim telah mendapat sambutan positif daripada penduduk setempat. Jumlah purata penumpang sehari meningkat daripada 94 penumpang pada permulaan percubaan kepada 153 penumpang sehari pada bulan September 2024. Peningkatan ini menunjukkan bahawa perkhidmatan ini memenuhi keperluan pengangkutan masyarakat di kawasan tersebut.

- (a) Berdasarkan kejayaan tersebut, *Rapid Bus* telah melanjutkan tempoh *POC* untuk kawasan Air Itam dan Farlim selepas tempoh percubaan asal yang berakhir pada 31 Oktober 2024 dilanjutkan sehingga 31 Disember 2024. Di samping itu, *Rapid Bus* juga merancang untuk memperluaskan lagi perkhidmatan

DRT ke kawasan-kawasan lain termasuk kawasan Universiti Sains Malaysia (USM) di Nibong Tebal dan untuk tujuan ini data penumpang sedang dikumpulkan sebagai sebahagian daripada kajian dan penilaian menyeluruh. Data ini akan menjadi asas penting dalam perancangan untuk mempertimbangkan sebarang perluasan kawasan perkhidmatan DRT pada masa hadapan, bagi memastikan ia memenuhi keperluan penduduk setempat secara optimum.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

16. Kejadian hujan lebat dan angin kencang kian berlaku kebelakangan ini. Adakah Kerajaan Negeri akan mempertingkatkan *alert system* untuk orang ramai bersiap sedia?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Jabatan Meteorologi Malaysia Pulau Pinang (Met Malaysia) Agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah membuat pelbagai usaha dalam meningkatkan perkongsian maklumat berhubung angin dan hujan lebat. Antaranya:-
1. Met Malaysia yang beroperasi 24 jam sehari, tujuh hari seminggu sepanjang tahun sentiasa memantau situasi cuaca negara dan akan mengeluarkan maklumat dan amaran sekiranya hujan lebat berterusan dijangka berlaku. Amaran cuaca (Waspada) akan dikeluarkan dalam tempoh satu hingga tiga hari sebelum kejadian bagi kerja-kerja kesiapsiagaan semasa musim tengkujuh. Amaran cuaca akan dikemaskini dari semasa ke semasa dan dinaiktaraf ke peringkat buruk atau bahaya jika tanda-tanda menunjukkan hujan akan menjadi semakin lebat. Pejabat Meteorologi Pulau Pinang pula bertanggungjawab untuk menyebarkan nasihat/amaran cuaca buruk, amaran angin kencang, laut bergelora dan siklon tropika kepada agensi-agensi pengurusan bencana di peringkat negeri dan daerah.
 2. MET Malaysia tidak mempunyai sistem amaran angin di lokasi-lokasi strategik di sungai-sungai utama dan persisiran pantai untuk tujuan memberi isyarat amaran angin kencang. Walau

bagaimanapun, dalam usaha memantau keadaan cuaca dengan lebih terperinci pada masa sebenar, MET Malaysia telah menaik taraf 60 Stesen Pencerapan Permukaan kepada Stesen Cuaca Automatik dan telah siap sepenuhnya pada tahun 2022. MET Malaysia juga kini sedang menaik taraf 100 buah stesen pencerapan permukaan automatik melalui projek pembangunan Rolling Plan Ketiga (RP3) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan dijangka boleh berfungsi sepenuhnya pada hujung tahun 2024. Terdapat dua (2) buah stesen meteorologi utama dan empat (4) buah stesen auksiliari yang berperanan mencerap dan memantau cuaca dengan lebih terperinci di seluruh Pulau Pinang iaitu di Bayan Lepas, Butterworth, MARDI Bertam, Perai, Pejabat Pertanian Daerah Barat Daya dan Kebun Bunga.

3. Pulau Pinang mempunyai sebuah radar *Wind Shear Detection System* (WSDS) yang mampu mengesan pergerakan awan hujan. Di samping itu, stesen radar cuaca yang terletak di Alor Setar, Kedah dan Kuala Gula, Perak juga mampu mengesan pergerakan awan hujan di Negeri Pulau Pinang. Di samping itu, MET Malaysia juga menerima imej satelit daripada tiga buah satelit iaitu FengYun (China) bagi setiap 15 minit, Himawari (Jepun) dan GEO-KOMPSAT-2 (Korea Selatan) bagi setiap 10 minit untuk memantau keadaan cuaca dengan lebih meluas. Dalam usaha menambah baik sistem ramalan cuaca negara, beberapa langkah telah dan sedang dibuat oleh MET Malaysia. Di antaranya ialah menambahbaik sistem Radar Integrated Nowcasting System (RaINS) bagi menghasilkan unjuran pergerakan dan intensiti hujan setiap 10 minit sehingga tiga (3) jam ke hadapan. Paparan RaINS ini boleh dimuatnaik melalui aplikasi mobil myCuaca secara percuma.
4. MET Malaysia sedang meningkatkan keupayaan model cuaca dengan mengadaptasi teknologi Sistem Komputer Berprestasi Tinggi (High Performance Computing (HPC)). Produk-produk model ramalan cuaca numerikal yang dijanakan oleh Sistem HPC baharu ini membolehkan Jabatan menjangkakan risiko bencana cuaca 14 hari lebih awal berbanding hanya tujuh hari pada ketika ini. Ia juga akan membekalkan perincian bagi kawasan dilanda bencana dengan resolusi yang lebih tinggi iaitu 300 meter berbanding 1 kilometer sebelum ini.

5. Seiring dengan perkembangan teknologi semasa bagi meningkatkan sistem penyampaian, MET Malaysia telah membangunkan aplikasi mobil myCuaca yang dapat memberikan maklumat cuaca dan gempa bumi untuk diakses pada bila-bila masa oleh orang ramai. MET Malaysia juga turut membangunkan aplikasi mobil RakanMET iaitu medium perkongsian maklumat cuaca setempat di kalangan orang awam. Selain itu, Jabatan juga menyampaikan ramalan dan amaran cuaca ini menggunakan pelbagai medium seperti media sosial (Facebook, Twitter, Instagram dan YouTube), laman sesawang Jabatan dan media massa (televisyen dan radio).
6. MET Malaysia akan menambahbaik Prosedur Tetap Operasi (PTO) berkaitan penyediaan dan penyebaran maklumat, nasihat dan amaran cuaca supaya ia dikeluarkan dengan lebih kerap apabila cuaca dijangka menjadi lebih buruk. Dengan penambahbaikan berterusan yang dilakukan terhadap sistem ramalan cuaca negara, ia dijangka dapat menghasilkan ramalan yang lebih tepat dan seterusnya dapat membantu pihak agensi pengurusan bencana untuk bertindak lebih awal dalam memastikan keselamatan rakyat terjamin.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

17. Jelaskan status terkini Program Teksi Air.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperkenalkan perkhidmatan Teksi Air di bahagian pulau, Pulau Pinang. Surat kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bagi permohonan untuk melaksanakan perkhidmatan teksi air telah dihantar pada 14 September 2021 dan pembentangan kepada MOT telah dibuat pada 25 April 2022. MOT melalui surat bertarikh 18 Oktober 2022 telah memberi kelulusan bersyarat kepada Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk melaksanakan projek Teksi Air ini.

Seterusnya, Pihak MBPP telah memanggil satu Request For Proposal (RFP) untuk melantik syarikat yang berminat untuk menyediakan perkhidmatan Teksi Air ini. Dokumen RFP telah diiklankan pada 12 Disember 2022 dan ditutup pada 27 Februari 2023. Sebanyak dua (2) buah syarikat telah mengemukakan cadangan melalui RFP ini dan beberapa siri pembentangan kepada Jawatankuasa Penilaian Teknikal RFP ini juga telah dibuat untuk melantik syarikat untuk melaksanakan projek Teksi Air ini.

Pihak MBPP juga telah mengeluarkan satu Surat Niat kepada Syarikat yang berjaya untuk menjalankan projek Teksi Air ini. Kelulusan-kelulusan lanjut daripada agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Laut Malaysia, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP), Pejabat Daerah & Tanah, Jabatan Maritim dan lain-lain agensi berkaitan perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum Surat

Setuju Terima dikeluarkan untuk membolehkan projek ini dilaksanakan.

Sehubungan itu, pihak MBPP telah menghantar surat kepada MOT bertarikh 13 Ogos 2024 bagi mendapatkan pengesahan daripada MOT untuk meneruskan projek Teksi Air ini berdasarkan kepada surat kelulusan bertarikh 18 Oktober 2022. Pada masa kini, pihak MBPP masih menunggu maklumbalas daripada pihak MOT mengenai perkara ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

18. Apakah status terkini bagi Batu Kawan Industrial Park (BKIP) 2?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

18. Mesyuarat Lembaga Tawaran PDC Bil 8/2024 pada 15 November 2024 telah bersetuju untuk menolak tawaran yang diterima kerana tidak mematuhi lima (5) daripada sembilan (9) syarat utama *Request for Proposal* (RFP) yang merangkumi:

- (i) Pegangan hak milik tanah;
- (ii) Pemberian milikan dan kaedah pindah milik
- (iii) Komponen pembangunan wajib yang dicadangkan;
- (iv) Harga bayaran dan kaedah bayaran “guaranteed profit sharing” (GPS).; dan
- (v) “Condition precedent”

Justeru, Lembaga Tawaran PDC memutuskan untuk menolak tawaran berkaitan dan mengiklankan semula bersama syarat-syarat baru.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

19. Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat menggalakkan lebih banyak seminar atau persidangan akademik untuk meningkatkan hasil dan tahap penyelidikan khususnya dalam bidang sejarah, budaya, teknologi dan perubatan?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Antara usaha yang akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri dalam menggalakkan lebih banyak seminar atau persidangan akademik untuk meningkatkan hasil dan tahap penyelidikan khususnya dalam bidang sejarah, budaya, teknologi dan perubatan di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (a) Menyediakan geran atau subsidi kepada universiti tempatan dan pusat penyelidikan untuk menganjurkan persidangan dalam bidang fokus ini dengan kerjasama institusi awam seperti Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan universiti swasta. Berkaitannya, pihak Kerajaan Negeri mengharapkan kerjasama pihak universiti dalam memberikan perkhidmatan atau kepakaran yang terdapat di universiti agar dapat membantu dalam kajian/seminar yang diadakan. Misalnya menjalankan kajian dan penyelidikan untuk kerajaan negeri seperti kajian budaya pembelajaran sepanjang hayat (PSH), kajian *Data Base* teknologi digital di kalangan usahawan kecil dan sederhana dan pelbagai lagi;

- (b) Mewujudkan geran penyelidikan peringkat negeri bagi topik yang berkaitan dengan sejarah, budaya, teknologi, dan sektor kesihatan di Pulau Pinang. Geran-geran ini boleh dikaitkan dengan penganjuran bengkel dan seminar untuk mempromosikan penemuan dan merangsang penyelidikan kolaboratif;
- (c) Mengukuhkan hubungan kerjasama dengan organisasi dan universiti antarabangsa misalnya menjemput mereka untuk mengadakan persidangan di Pulau Pinang. Penekanan khusus akan diberikan kepada penyelidikan dalam teknologi perubatan, pemuliharaan warisan, dan inovasi digital yang selari dengan Visi Penang2030;
- (d) Memanfaatkan Visi Penang2030 dalam menonjolkan bagaimana persidangan yang akan diadakan dapat menyumbang kepada matlamat ekonomi yang seimbang, pelbagai, dan berdaya di Pulau Pinang di samping sebagai hab penyelidikan untuk menggalakkan lebih banyak persidangan tempatan atau antarabangsa diadakan di Pulau Pinang;
- (e) Mewujudkan Minggu Penyelidikan dan Inovasi Pulau Pinang secara tahunan dengan menampilkan persidangan, seminar, dan pameran pada tema yang berbeza seperti sejarah dan warisan, kemajuan perubatan, atau teknologi digital;
- (f) Menjemput pakar-pakar terkenal baik dari Malaysia mahupun antarabangsa. Hal ini dapat menarik perhatian komuniti penyelidik, pelajar tempatan dan antarabangsa agar dapat meningkatkan reputasi Pulau Pinang sebagai hab akademik; dan
- (g) Menyediakan kemudahan fasilitasi kuliah umum atau sesi persidangan akademik untuk memudahkan masyarakat mengakses penyelidikan yang telah dilaksanakan. Ini akan mewujudkan minat tempatan yang lebih besar dan sokongan untuk acara akademik, sambil meningkatkan kesedaran masyarakat tentang warisan Pulau Pinang, kemajuan bidang perubatan dan teknologi di samping menjadikan Pulau Pinang sebagai hab yang terkenal untuk persidangan dan seminar akademik.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

20. Bagaimanakah Kerajaan Negeri mempromosikan perniagaan dan produk buatan Pulau Pinang untuk dijual ke luar negeri dan dunia bagi mempertingkatkan lagi produk buatan Pulau Pinang?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. InvestPenang sebagai agensi kerajaan negeri Pulau Pinang telah mempromosikan produk tempatan melalui pelbagai program dan inisiatif seperti berikut:
- (a) Menjalankan pameran dan seminar *exhibition & conference*, Hari Pembekal *Supplier/Vendor Day* atau Sesi Pemadanan *Business Matching*. Misalnya, TUSAS Malaysia Sdn. Bhd. *Turkish Aerospace Malaysia* dengan kerjasama MIDA dan InvestPenang, telah menganjurkan *TUSAS Malaysia Suppliers Conference 2024* yang berlangsung pada 18 Januari 2024 bertujuan untuk menyebarkan maklumat mengenai peluang penyumberan *sourcing opportunities* untuk syarikat tempatan berpotensi yang berminat untuk menjadi sebahagian daripada rantai bekalan TUSAS di Malaysia;
 - (b) Menganjurkan dua siri seminar, pameran dan dialog diantara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), syarikat peranti perubatan tempatan dan hospital swasta berkenaan dengan hala tuju pembangunan dan proses perolehan peranti perubatan yang dibekalkan oleh syarikat tempatan. Syarikat tempatan tersebut diberi peluang untuk mempamerkan produk-produk mereka dan mengadakan sesi demo kepada

Menteri Kesihatan dan pegawai-pegawai kanan daripada KKM, dan pasukan perolehan hospital swasta di Pulau Pinang. Ini telah membuka peluang kepada syarikat tempatan untuk mempromosikan produk mereka;

- (c) Menjalinkan kerjasama dengan pihak MRT Corp & TDA bagi menganjurkan *MRT Supplier Day* bagi memberi peluang kepada syarikat tempatan Pulau Pinang membekalkan produk dan perkhidmatan mereka kepada projek Penang LRT Mutiara. Usaha-usaha ini bukan sahaja dapat memajukan sektor perindustrian milikan tempatan malah dapat membuka peluang-peluang baharu kepada pemain industri untuk berkembang ke peringkat global;
- (d) Melaksanakan pelbagai program latihan dan Pembangunan seperti *Penang SME Centre & S.M.A.R.T. Centre*. Inisiatif ini telah menyediakan kemudahan, latihan, dan sokongan kepada usahawan-usahawan tempatan bagi mengembangkan perniagaan mereka ke peringkat global. Latihan yang diberikan membantu meningkatkan kemahiran dan kualiti produk, memastikan mereka dapat bersaing di pasaran global;
- (e) Berkongsi senarai syarikat tempatan yang terdapat dalam pangkalan data InvestPenang kepada syarikat asing atau pelabur berpotensi untuk menjadi sebahagian daripada rangkaian bekalan mereka; dan
- (f) Menggalakkan kolaborasi *Joint Venture* antara syarikat asing dan tempatan. Agensi seperti MIDA dan InvestPenang memainkan peranan penting dalam memudahkan pemindahan teknologi dan pengetahuan kepada pemain tempatan khususnya PKS. Usaha ini membantu PKS tempatan untuk meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan mereka agar dapat menembusi pasaran antarabangsa.

Selain itu, pelaksanaan Ekspo Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEX) 2024 yang akan dianjurkan pada 5 hingga 8 Disember 2024 di Tapak Gravitas, Jalan Baru, Perai juga merupakan antara salah satu inisiatif Kerajaan Negeri melalui Penang Halal International Sdn. Bhd. dalam mempromosikan produk-produk tempatan ke peringkat antarabangsa.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

21. Senaraikan fasiliti dan kemudahan sukan *pickleball* yang terdapat di Pulau Pinang.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menambah fasiliti sukan berkenaan untuk menggalakkan lebih ramai orang bermain sukan itu?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Gelanggang *pickleball* awam yang pertama di Pulau Pinang telah dibina di KADUN Seri Delima di Taman Kejiranan Lintang Delima 10, manakala beberapa gelanggang swasta komersial kini telah mula dibuka antaranya:
- (i) Gurney Paragon (*Pickle Motion*);
- (ii) Air Itam (*Corona Pickle*);
- (iii) Tanjung Bungah (*Picklehead*); dan
- (iv) Penggunaan gelanggang badminton di Kelab-kelab Sukan dan Rekreasi Swasta seluruh Pulau Pinang.
- (a) Kerajaan Negeri masih belum mempunyai perancangan untuk membina gelanggang khas buat sukan ini. Secara amnya, sukan *pickleball* dimainkan di atas gelanggang yang mana bentuk dan saiznya sama seperti gelanggang badminton sama ada secara *Indoor* atau *Outdoor*. Oleh demikian, Kerajaan

Negeri berpandangan sukan *pickleball* buat masa kini tidak memerlukan pembinaan gelanggang yang baharu kecuali jika diperlukan. Permainan ini banyak dimainkan di gelanggang badminton sedia ada di seluruh negara dan hanya dibezakan dengan status ketinggian jaring 1.55m *badminton netting* yang diturunkan ke ketinggian sehingga 36" inci dari permukaan lantai.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

22. Jelaskan status perkembangan terkini projek Transit Aliran Ringan (LRT).
- (a) Nyatakan pelan kedudukan stesen antara KOMTAR dan Macallum serta bagaimana laluan berkenaan akan menyambung sehingga ke Penang Sentral?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. MRT Corp sebagai agensi pelaksana sedang dalam proses rundingan peringkat akhir dengan SRS Consortium berkenaan kontrak *Civil Main Contractor 1* (CMC1) untuk pembinaan Fasa 1 Laluan Mutiara iaitu daripada Komtar ke Pulau Silikon. Tarikh permulaan pembinaan adalah tertakluk kepada pemuktamadan rundingan tersebut.

Selain itu, proses perwartaan Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi koridor jajaran Fasa 1 telah dilaksanakan supaya pihak MRT Corp dapat menjalankan kerja-kerja survei dan ukur tanah. Pihak MRT Corp kini juga sedang dalam proses mengadakan perbincangan dengan pemegang-pemegang taruh berkaitan (*stakeholders*) untuk memuktamadkan pengambilan balik tanah berdasarkan Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960.

- (a) Stesen Komtar dicadangkan terletak di tapak yang dirancang sebelum ini iaitu di tapak tempat letak kereta berhadapan kompleks beli belah 1st Avenue. Namun Stesen Macallum dicadangkan oleh MRT Corp untuk dianjak beberapa meter

untuk memberi laluan kepada kawasan hentian bas (bus layby) dan trek simpangan (switching track) ditempatkan di atas tapak kosong di hadapan Sri Saujana.

Jajaran Laluan Mutiara selepas Stesen Macallum akan menyimpang dua hala iaitu satu menghala ke Komtar dan satu lagi menghala ke Penang Sentral. Dengan itu, perkhidmatan tren untuk laluan ini akan berlangsung secara berselang seli (alternating service).

Maklumat-maklumat terperinci perlu dirujuk dengan Kementerian Pengangkutan atau MRT Corp.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

23. Senaraikan indeks jenayah mengikut daerah di Pulau Pinang bagi tahun 2022, 2023 dan 2024.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

23. Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah keseluruhan jenayah kekerasan dan jenayah harta benda bagi tahun 2022, 2023 dan 2024 (Januari - Oktober) adalah seperti berikut:

- (i) 2022 - 3,462 kes;
- (ii) 2023 - 3,605 kes; dan
- (iii) 2024 (Januari - Oktober) - 3,501 kes

Perincian statistik indeks jenayah mengikut daerah di Pulau Pinang bagi tahun 2022, 2023 dan 2024 (Januari - Oktober) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Indeks Jenayah Mengikut Daerah Januari - Disember 2022

KATEGORI JENAYAH	TIMUR LAUT	BARAT DAYA	SEBERANG PERAI UTARA	SEBERANG PERAI TENGAH	SEBERANG PERAI SELATAN	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN						
BUNUH	4	2	0	3	1	10
ROGOL	33	14	33	34	10	124
SAMUN BERKAWAN SENJATAPI	0	0	0	1	0	1
SAMUN BERKAWAN TANPA SENJATAPI	78	9	48	51	26	212
SAMUN SENJATAPI	0	0	0	0	0	0
SAMUN TANPA SENJATAPI	80	19	30	50	14	193
MENCEDERAKAN	172	42	65	87	40	406
JUMLAH JENAYAH KEKERASAN	367	86	176	226	91	946
JENAYAH HARTA BENDA						
CURI	438	131	160	181	108	1018
CURI MOTOKAR	48	12	28	44	11	143
CURI MOTOSIKAL	198	76	158	235	29	696
CURI VAN/LORI/JENTERA BERAT	8	0	4	16	5	33
PECAH RUMAH	121	47	162	226	70	626
JUMLAH JENAYAH HARTABENDA	813	266	512	702	223	2516
JUMLAH KESELURUHAN	1180	352	688	928	314	3462

Indeks Jenayah Mengikut Daerah Januari - Disember 2023

KATEGORI JENAYAH	TIMUR LAUT	BARAT DAYA	SEBERANG PERAI UTARA	SEBERANG PERAI TENGAH	SEBERANG PERAI SELATAN	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN						
BUNUH	1	1	5	2	3	12
ROGOL	32	6	15	24	21	98
SAMUN BERKAWAN SENJATAPI	0	0	1	0	0	1
SAMUN BERKAWAN TANPA SENJATAPI	66	18	43	55	11	193
SAMUN SENJATAPI	0	0	0	0	0	0
SAMUN TANPA SENJATAPI	84	21	19	50	9	183
MENCEDERAKAN	156	40	45	62	31	334
JUMLAH JENAYAH KEKERASAN	339	86	128	193	75	821
JENAYAH HARTA BENDA						
CURI	489	197	163	234	97	1180
CURI MOTOKAR	37	15	35	51	15	153
CURI MOTOSIKAL	179	66	160	221	48	674
CURI VAN/LORI/JENTERA BERAT	11	1	6	10	3	31
PECAH RUMAH	187	42	204	217	96	746
JUMLAH JENAYAH HARTABENDA	903	321	568	733	259	2784
JUMLAH KESELURUHAN	1242	407	696	926	334	3605

LAMPIRAN A

Indeks Jenayah Mengikut Daerah Januari - Oktober 2024

KATEGORI JENAYAH	TIMUR LAUT	BARAT DAYA	SEBERANG PERAI UTARA	SEBERANG PERAI TENGAH	SEBERANG PERAI SELATAN	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN						
BUNUH	2	2	2	1	0	7
ROGOL	25	12	24	17	18	96
SAMUN BERKAWAN SENJATAPI	0	0	0	0	0	0
SAMUN BERKAWAN TANPA SENJATAPI	47	15	32	55	14	163
SAMUN SENJATAPI	0	0	0	0	0	0
SAMUN TANPA SENJATAPI	43	13	14	33	15	118
MENCEDERAKAN	176	35	88	51	53	403
JUMLAH JENAYAH KEKERASAN	293	77	160	157	100	787
JENAYAH HARTA BENDA						
CURI	461	201	206	274	123	1265
CURI MOTOKAR	21	12	22	56	23	134
CURI MOTOSIKAL	207	63	141	220	41	672
CURI VAN/LORI/JENTERA BERAT	6	2	8	14	6	36
PECAH RUMAH	106	62	143	195	101	607
JUMLAH JENAYAH HARTABENDA	801	340	520	759	294	2714
JUMLAH KESELURUHAN	1094	417	680	916	394	3501

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

24. Sehingga tahun ini, adakah projek Program Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) berjaya di Pulau Pinang?
- (a) Berapakah permohonan untuk program tersebut?
 - (b) Apakah langkah-langkah dan usaha-usaha yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menarik lebih ramai golongan warganegara asing untuk menyertai projek tersebut?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Permohonan Program Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) bagi Semenanjung Malaysia dilaksanakan secara berpusat melalui *One Stop Centre* MM2H, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Peserta-peserta ini juga tidak disyaratkan untuk menetap di satu-satu negeri/tempat sebaliknya bebas untuk memilih mana-mana lokasi di Semenanjung Malaysia.
- (a) Sehingga 31 Oktober 2024, MOTAC telah menerima sebanyak 513 permohonan baharu berdasarkan syarat-syarat baharu Program MM2H yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Peserta-peserta ini juga tidak disyaratkan untuk menetap di satu-satu negeri/ tempat sebaliknya bebas untuk memilih di mana-mana lokasi di Semenanjung Malaysia.

- (b) Bagi menarik lebih ramai golongan warganegara asing untuk menyertai Program MM2H, MOTAC kini giat melaksanakan promosi melalui Tourism Malaysia (TM) bagi mempromosikan program MM2H kepada pasaran luar negara. Penang Global Tourism (PGT) turut mempromosikan Program MM2H bersama agen-agen MM2H dalam *roadshow* di luar negara.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXI)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

25. Sejak Pusat Transit Gelandangan ditubuhkan, berapakah gelandangan telah berjaya diselamatkan dan kembali ke pangkuan masyarakat?
- (a) Apakah kekangan yang dihadapi oleh Pusat Transit Gelandangan?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Sejak ditubuhkan pada 1 September 2023, Pusat Transit Gelandangan (PTG) telah menerima seramai **432 orang** gelandangan. Daripada keseluruhan bilangan itu, **146 orang** gelandangan telah berjaya dibantu dan kembali ke pangkuan masyarakat.
- (a) Antara kekangan yang dihadapi dalam menguruskan penghuni di PTG Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Sikap.
- Terdapat segelintir penghuni yang sukar diubah untuk kembali berdikari. Sebagai contoh, segelintir penghuni yang masih muda, sihat dan mampu bekerja tidak berminat kembali bekerja walaupun telah ditawarkan pekerjaan melalui program pepadanan kerja yang dibuat oleh PTG.

(ii) Usia dan keadaan fizikal.

30 peratus daripada penghuni PTG merupakan golongan warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) yang tidak lagi produktif untuk bekerja. Oleh disebabkan itu, pihak pengurusan PTG perlu memohon kemasukan penempatan khas yang terhad ditawarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi yang bersesuaian.

(iii) Penglibatan dengan jenayah, penyalahgunaan dadah dan melanggar peraturan PTG.

PTG sering berhadapan dengan situasi di mana sekitar 15 peratus penghuni yang terlibat dengan jenayah, penyalahgunaan dadah dan melanggar peraturan PTG. Pihak pentadbiran PTG terpaksa mengeluarkan penghuni yang bermasalah dan melaporkan kepada pihak berkuasa berkaitan untuk tindakan lanjut.